

Notis Mengenai Urusan Permohonan Lesen Import (AP) *Completely Knocked-Down* (CKD) Susulan Penguatkuasaan Sepenuhnya Takrifan CKD di Bawah Peraturan Kastam 1988

Berkuat kuasa mulai 1 Januari 2023, pengimportan kenderaan dalam bentuk *Completely Knocked-Down* (CKD) perlu mematuhi definisi CKD di bawah Peraturan Kastam 1988.

Oleh itu, urusan permohonan AP oleh syarikat yang telah menerima kelulusan pemasangan secara tempatan boleh dilaksanakan menerusi sistem E-Permit berdasarkan kategori AP berikut:

- a) AP CKD bagi pengimportan yang memenuhi definisi CKD di bawah Peraturan Kastam 1988; atau
- b) AP *Parts / Sub-Assemblies* bagi pengimportan yang tidak memenuhi definisi CKD.

Bagi urusan permohonan di bawah AP *Parts / Sub-Assemblies*, pihak syarikat dikehendaki untuk memohon penambahan AP *Category* seperti berikut:

<i>Permit Type</i>	: MITI <i>Import</i>
<i>AP Type</i>	: INQ - <i>Other Vehicle</i>
<i>AP Category</i>	: N205 – <i>Parts / Sub-Assemblies</i>

Untuk sebarang pertanyaan dan penjelasan lanjut, pihak syarikat boleh mengemukakan e-mel kepada apluarkuota@miti.gov.my.